

## BAB LIMA

### RUMUSAN

#### 5.0 PENGENALAN

Sesungguhnya kejayaan penerbitan dokumentari Salam Nusantara banyak bergantung kepada cara bekerja yang dilakukan oleh syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. Melalui tatacara bekerja yang teratur, perancangan yang baik, penggambaran siri Salam Nusantara telah berjalan lancar dan hasilnya siri berkenaan mendapat sambutan yang baik.

#### 5.1. KEKUATAN

##### 5.1.1 Amalan Pengurusan dan Perhubungan

Syarikat Anugerah Media Network mempunyai kelebihan pasukan perhubungan yang terdiri daripada Pegawai Perhubungan Awam, Eksekutif Promosi, Eksekutif Pemasaran dan Pembantu Produksi yang cekap dan dedikasi.

Kebanyakan mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas di dalam perhubungan media. Mereka mempunyai latar belakang sebagai wartawan dan pengamal media sejak beberapa

lama. Kebanyakkan mereka mempunyai pengalaman di dalam bidang kewartawan, penulisan, editor dan pegawai pembangunan produk. Pengalaman mereka digabungkan dalam satu pasukan untuk memastikan pengurusan dan pembangunan produk dokumentari *Salam Nusantara* berjalan lancar.

Selain itu, syarikat ini juga mempunyai syarikat bersekutu Galeri Ilmu Sdn. Bhd. yang menerbitkan bahan bercetak seperti majalah, buku-buku dan multi media. Keadaan ini turut memberi kelebihan kepada AMN untuk mengatur strategi perhubungan dengan pihak terbabit dan agensi kerajaan bagi mendapatkan kelulusan menjalankan penggambaran di luar negara.

Melalui eksekutif yang berkemahiran tinggi di dalam perhubungan dan pentadbiran, urusan permit penggambaran dan mendapatkan slot tayangan di RTM menjadi lebih mudah. Pengurusan yang melibatkan pelbagai responden dan subjek yang dipilih di Bangkok, perlu juga diberi perhatian. Surat-surat diantar dan tindakan susulan diambil dengan cekap supaya urusan penggambaran dapat dilakukan dengan mudah.

Selain itu penerbitan siri ini juga mendapat sokongan daripada pelbagai pihak. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan RTM mengeluarkan surat sokongan untuk memudahkan urusan mendapatkan kerjasama daripada pihak yang terlibat di luar negara.

(Lihat lampiran 10)

Semasa berada di lokasi, perhubungan peribadi yang sedia terjalin antara pengurus produksi dengan pihak-pihak bertanggungjawab di Thailand termasuk wakil rakyat serta tokoh Islam sebelum ini telah digunakan sepenuhnya untuk membantu kerja-kerja penggambaran. Antaranya mendapatkan penajaan makanan dan penginapan untuk krew penggambaran di Bangkok. Ia sekaligus mengurangkan kos pengurusan di lokasi.

Memandangkan kota Bangkok adalah bandar kosmopolitan yang luas iaitu kira-kira sepuluh kali Kuala Lumpur, pengurusan perjalanan ke lokasi mestilah cekap dan teratur. Atas kerjasama dengan pemandu dan bantuan jurupandu tempatan, perjalanan ke lokasi dan penggambaran berjalan lancar mengikut jadual yang ditetapkan.

Amalan perhubungan yang baik seperti menyediakan hadiah-hadiah dan cenderahati daripada Malaysia untuk disampaikan kepada tokoh-tokoh tempatan yang ditemui dan ditemubual cukup berkesan dan mendatangkan kesan hubungan yang lebih intim untuk kerjasama pada masa hadapan. Amalan begini amat berguna dalam usaha memupuk dan meningkatkan kerjasama serantau dalam pelbagai bidang antara negara-negara ASEAN.

### **5.1.2 Amalan Editorial**

Bagi menghasilkan sebuah dokumentari yang baik, syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. mengutamakan pasukan editorial yang mempunyai kemahiran dan kreativiti yang tinggi bagi menghasilkan sebuah jalinan kisah yang menarik.

Syarikat ini mempunyai penerbit, penyelidik dan penulis skrip yang saling bantu membantu sejak awal lagi bagi menyediakan kerangka jalan cerita yang bermutu. Namun, tidak semua perancangan dapat berjalan seperti yang ditentukan, oleh itu semasa penggambaran, perubahan baru sesuai dengan suasana di lokasi akan diberi perhatian. Penerbit akan berbincang dengan penyelidik bagi

mengubahsuai *treatment* dengan bahan-bahan baru semasa penggambaran..

Syarikat mempunyai kelebihan kerana penerbit Salam Nusantara episod Lembah Chao Phraya juga seorang penulis skrip yang baik. Oleh itu, beliau dapat membuat keputusan dengan cepat terutama ketika terdapat kesulitan dan kesukaran semasa penggambaran di lokasi.

### **5.1.3 Amalan Produksi**

Penggunaan set peralatan produksi dan pos produksi sendiri adalah satu lagi kelebihan kepada syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. sebagai penerbit dokumentari *Salam Nusantara*. Mereka menggunakan dua kamera dan semasa di lokasi, satu pasukan akan membuat rakaman terhadap subjek yang dipilih. Ini termasuk rakaman temubual, aktiviti harian subjek dan pelbagai keperluan lain yang diperlukan oleh penerbit.

Sementara satu pasukan lagi akan membuat rakaman *establisng shot*, lokasi, tempat-tempat berkaitan, *mood* suasana di dalam dan luar bangunan, rakaman *clean sound* seperti bunyi kenderaan,

burung, mesin dan pelbagai perubahan cuaca seperti pagi, petang atau malam bagi membantu menguatkan lagi episod berkenaan.

Pasukan produksi syarikat ini terutama jurukamera mempunyai kemahiran sinematografi yakni kreativiti menentukan keperluan shot yang menarik sesuai dengan keperluan dokumentari berkenaan. Kebolehan begini menjadikan ia suatu kelebihan dan kekuatan tambahan kepada syarikat ini untuk membuat penggambaran mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Selepas selesai membuat penggambaran, *footage* dan bahan mentah penggambaran akan dibawa balik dan diproses di studio sendiri. Keadaan ini memudahkan urusan kerja penerbit dan pasukan kerjanya untuk membuat kerja-kerja pos produksi. Oleh itu, mereka dapat menjimatkan kos penyewaan dan masa yang diperlukan untuk membuat kerja-kerja ini mudah disusun dan disesuaikan mengikut keperluan penerbit sendiri.

#### **5.1.4 Amalan Pemasaran**

Siri Dokumentari Salam Nusantara merupakan rakaman perkembangan kehidupan masyarakat Islam masa kini di negara-

negara Nusantara. Oleh itu, ia mempunyai kelebihan tersendiri berbanding dengan siri *Jejak Rasul* TV3 yang menekankan mengenai sejarah, bahan-bahan kesenian, budaya dan tamadun sesuatu bangsa suatu ketika dahulu.

Sehubungan itu, ia mempunyai potensi untuk dipasarkan kepada stesyen televisyen yang lain di Nusantara dan dunia umumnya.

Jabatan Pemasaran AMN telah berjaya memasarkan siri dokumentari ini ke stesyen lain seperti *Astro Ria*, *ITV Thailand* dan *Suria Singapura*. *Astro Ria* mula menayangkan siri *Salam Nusantara* pada Ramadan 2001 dan selepas ini disusuli dengan tayangan pada hari Khamis 9.00 malam setiap minggu.

## **5.2 KELEMAHAN**

Cabarannya untuk menghasilkan sebuah dokumentari yang baik terutama melibatkan penggambaran di luar negara adalah tinggi dan memerlukan pengalaman yang luas terutama dalam bidang hubungan antarabangsa dan penguasaan ilmu bantu seperti komunikasi dan bahasa. Sebagai sebuah syarikat produksi

tempatan, Anugerah Media Network Sdn. Bhd. terpaksa berhadapan dengan pelbagai situasi yang mencabar.

Walau bagaimanapun, pengalaman dan kelemahan juga merupakan sesuatu yang baik kerana manusia belajar dari kesilapan dan sedikit sebanyak ia mematangkan pengalaman kerja mereka.

### **5.2.1 Amalan Pengurusan dan Perhubungan.**

Negara Thailand adalah sebuah negara yang sangat menitik beratkan penggunaan bahasa Thai dalam segala aspek kehidupan di sini. Tidak ramai rakyatnya menguasai bahasa lain dan kalau ada pun penggunaannya agak terbatas sekali.

Menyedari hakikat ini Anugerah Media Network Sdn. Bhd. menyediakan seorang pembantu tempatan sebagai juru bahasa dan penunjuk lokasi. Keadaan ini sangat membantu kerana ramai responden dan subjek yang dipilih tidak mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris.

Dengan bantuan pembantu tempatan, penggambaran dapat berjalan dengan baik. Namun, pembantu berkenaan tidak dapat bersama

dengan krew setiap masa kerana dia juga perlu menyelesaikan kerja-kerja pengurusan seperti menguruskan makan minum di lokasi.

Oleh itu, keadaan ini telah mendatangkan masalah komunikasi antara penerbit dan responden di lokasi. Terdapat insiden salah faham antara krew dengan penduduk tempatan kerana kesukaran berkomunikasi. Walaupun ia dapat diselesaikan dengan baik, ia telah mengambil masa dan ini sudah tentu mengganggu proses penggambaran.

#### **5.2.2 Amalan Editorial**

Syarikat ini mempunyai pasukan editorial yang berpengalaman kerana syarikat ini juga terlibat dalam penerbitan bahan-bahan media yang lain. Namun, bagi memantapkan lagi pasukan editorial yang merupakan perancang dan penentu hala tuju produksi dokumentari ini, syarikat patut memperuntukan staf tambahan kepada penerbit semasa membuat penggambaran di lokasi. Mungkin syarikat mahu menjimatkan perbelanjaan di lokasi tetapi memandangkan keperluan pasukan editorial yang mantap bagi membantu penerbit, syarikat patut mengkaji perkara ini.

Apabila penerbit tidak mempunyai pembantu penulis skrip dan penyelidik yang cekap, tugas-tugas berkenaan terpaksa dilakukan sendiri oleh beliau. Keadaan ini sedikit sebanyak mengganggu konsentrasinya terhadap penggambaran di lokasi.

Walaupun kemampuan penerbit untuk menulis skrip sendiri, namun beliau sepatutnya mendapat seorang pembantu yang cekap bagi merekodkan semua maklumat sepanjang tempoh penggambaran berkenaan.

### **5.2.3. Amalan Produksi dan Pos Produksi**

Jangka waktu penggambaran agak panjang iaitu mengambil masa 25 hari. Lokasi penggambaran pula meliputi kawasan Chiengmai di utara, Bangkok di tengah dan Pattaya di timur Thailand. Keadaan ini tentulah memerlukan pasukan produksi yang cekap, sihat dan cukup bersedia dari segi fizikal, jiwa dan juga mental. Perjalanan ke sesuatu lokasi pula kadang kala mengambil masa yang agak panjang dan menggunakan pelbagai pengangkutan seperti feri dan bot ketika membuat penggambaran di kawasan sungai.

Oleh itu, masa rehat yang secukupnya hendaklah diperuntukan kepada krew bagi membolehkan mereka berehat sepenuhnya dan bebas daripada peralatan penggambaran. Namun, memandangkan masa berada di negara orang cukup berharga, dan setiap perubahan alam adalah aset penting kepada dokumentari ini. Krew tidak mendapat rehat yang cukup walaupun ketika berada di Pattaya, mereka diberitahu untuk berehat tetapi apabila tiba di lokasi keadaannya berubah dan krew terpaksa meneruskan penggambaran di sana.

Keadaan mereka yang agak penat boleh mengganggu konsentrasi terhadap subjek penggambaran. Bahkan kadang kala keletihan juga menyebabkan mereka kurang mengambil berat tentang penjagaan peralatan dan keadaan ini boleh menyebabkan kerosakan kepada peralatan dan sekaligus mengganggu kerja-kerja penggambaran.

### 5.3 SARANAN

Secara keseluruhan pengurusan penggambaran Salam Nusantara episod Lembah Chao Phraya telah berjalan dengan baik dan hasilnya sudah pun ditayangkan di TV1 mulai 5/5/2000 Hingga 28/7/2000.

Namun, kelemahan amalan yang disebut di atas perlu diberi perhatian supaya suasana penggambaran akan menjadi lebih baik pada masa hadapan.

1. Pasukan editorial perlu dimantapkan dan mempunyai kepakaran merekod dan menyimpan bahan-bahan penyelidikan semasa penggambaran dan *footage* dengan baik bagi memudahkan urusan pemasaran dan kerja-kerja susulan selepas siri ini ditayangkan di RTM.

Ini boleh dilakukan dengan memperkemaskan unit dokumentasi di syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. supaya bahan-bahan penyelidikan dan *footage* dapat disimpan dalam keadaan yang lebih teratur. Ia juga termasuk menyimpan rekod penggambaran seperti proposal, anggaran perbelanjaan, laporan harian penerbit, *treatment* dan skrip dengan lebih teratur. Pada masa sekarang unit ini kelihatan tidak

terurus dengan baik. Gambar-gambar foto dan buku-buku rujukan hanya disimpan oleh penerbit-penerbit mengikut rancangan terbitan masing-masing. Keadaan ini menyukarkan pihak-pihak lain yang mahu membuat rujukan atau penyelidikan terhadap amalan penerbitan *Salam Nusantara* pada masa hadapan.

Sesetengah bahan berkenaan diterbitkan dalam bentuk tulisan dalam majalah ANIS dan ASUH keluaran syarikat bersekutu AMN iaitu Galeri Ilmu Sdn. Bhd. Oleh itu, dengan adanya unit dokumentasi, bahan-bahan yang dikumpul dan direkodkan semasa penggambaran boleh disimpan dengan lebih tersusun untuk kegunaan bagi pada masa hadapan terutama dalam bentuk bercetak seperti buku catatan perjalanan dan kisah-kisah masyarakat mengenai lokasi-lokasi yang dikunjungi.

2. Selain itu, adalah disarankan juga amalan produksi diperkemaskan terutama melibatkan pembantu lokasi yang lebih cekap dan mempunyai kemahiran perhubungan yang baik untuk memudahkan urusan berkomunikasi dengan subjek dan penduduk tempatan semasa penggambaran dijalankan.

Waktu rehat yang cukup dan sesuai perlu diperuntukan supaya krew dapat berehat dan mereka dapat memberi tumpuan kepada penggambaran pada hari-hari berikutnya.

3. Pihak syarikat juga boleh melantik seorang pembantu penerbit yang cekap bagi membantu penerbit semasa penggambaran. Walaupun tempoh penggambaran agak padat, penerbit juga elok memikirkan bahan-bahan lain di luar *treatment* episod dalam Salam Nusantara untuk dijadikan *footage* tambahan bagi penggunaan dokumentari lain pada masa hadapan. Contohnya *footage* mengenai sungai Chao Phraya boleh digunakan untuk dokumentari Sungai-sungai di Nusantara.

*Footage* mengenai kanak-kanak boleh dijadikan dokumentari menarik mengenai kanak-kanak di Nusantara. Oleh itu peluang untuk membuat penggambaran di negara-negara luar tidak boleh dibiarkan begitu saja tanpa memanfaatkan bahan-bahan sampingan yang begitu banyak terdapat di sana.

## 5.4 KESIMPULAN

Siri Salam Nusantara sudah memasuki musim ke tujuh. Penggambarannya pula telah dijalankan di negara Kemboja, Thailand, Singapura, Indonesia dan Brunei. Krew penggambaran akan terus mengembara ke negara-negara lain yang belum lagi dikunjungi untuk menyelesaikan misi Salam Nusantara. Selepas di tayangkan di TV 1 RTM, unit pemasaran syarikat AMN memasarkan siri-siri berkenaan ke stesyen TV lain termasuk ASTRO, SURIA Singapura, Thailand dan Brunei.

Sehingga Januari 2002, ASTRO menayangkan siri Salam Nusantara pada setiap hari Khamis 9.00 malam melalui saluran ASTRO RIA. Sementara stesyen SURIA Singapura menayangkan Salam Nusantara episod Singapura sepanjang bulan Ramadhan dan Disember 2001. Brunei pula bercadang menayangkan Salam Nusantara episod Kemboja mulai April 2002 nanti.

Sesungguhnya dokumentari Salam Nusantara telah berjaya memberi gambaran yang lebih tepat mengenai kegiatan dan pencapaian umat Islam di negara-negara di mana mereka merupakan penduduk minoriti seperti Singapura, Thailand dan Kemboja.

Ia turut menginsafkan kita mengenai nikmat keamanan dan kemerdekaan yang dikehendaki oleh negara pada ketika ini sedangkan saudara serumpun sebangsa dan seagama berjuang membebaskan diri mereka dari belenggu kemiskinan dan terpaksa bersaing dengan penduduk majoriti di negara-negara berkenaan.

Paparan siri Salam Nusantara mencapai objektif untuk meningkatkan hubungan sedia ada antara negara kita Malaysia dengan negara-negara lain di Nusantara. Kejayaan ini diperolehi kerana amalan penerbitan yang dilakukan oleh syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. selama ini. Tanpa perancangan dan pengurusan yang teratur sudah tentulah rancangan dokumentari ini tidak dapat dihasilkan dengan baik dan bermutu tinggi.

Kajian ini menunjukkan syarikat Anugerah Media Network dapat membuktikan walaupun syarikat ini kecil dan mempunyai sumber kewangan yang terbatas tetapi dengan amalan pengurusan penerbitan yang baik, mereka berjaya menghasilkan siri-siri Salam Nusantara setanding dengan rancangan dokumentari yang lain seperti Jejak Rasul dan Warna-warna Malaysia terbitan TV3. Mudah-mudahan mereka akan berjaya meneruskan kecemerlangan ini pada masa hadapan.